

Berbuka puasa digenangi air

Penduduk dakwa pemberhentian projek meluruskan sungai punca banjir kilat

SYAIRI SHAARI

GOMBAK UTARA - Ketika umat Islam menikmati juadah berbuka puasa, penduduk di Batu 8, 9, 10 dan 11 Jalan Gombak Lama kelam kabut apabila rumah mereka dinaiki air kelmarin.

Kejadian yang berlaku sekitar jam 7.30 petang menyebabkan penduduk di sini terpaksa berhempas pulas menyelamatkan perkakasan rumah setelah air sungai melimpah masuk ke rumah setinggi 0.6 meter.

Mawarni Abu Bakar, 60, berkata, sewaktu keluarganya baru sahaja hendak berbuka puasa, tiba-tiba air datang menderu masuk ke rumah sehingga menenggelamkan mesin basuh.

Menurutnya, mujur pada waktu itu, keluarganya berada di rumah terbuka dan sempat menyelamatkan barang dan dokumen penting dari ditenggelami air.

"Saya tak sangka cuaca gelap sekitar jam 6 petang akan menyebabkan banjir dan mungkin ini terjadi dari air sungai yang besar

datangnya dari hulu sungai. Walaupun pada ketika itu di kawasan ini hujan tidaklah begitu lebat.

"Mujurlah pula air cepat surut, kalau tidak mungkin lebih banyak lagi peralatan yang rosak memandangkan hari raya sudah hampir,"kata Mawarni.

Seorang lagi penduduk, Mohd Daud Mohd Yusof, 32 berkata, bahagian depan rumahnya dimasuki air sungai yang melimpah selepas ahli keluarganya selesai berbuka puasa.

"Seingat saya, hujan di sini sudah berhenti pada jam 7.30 petang dan tak sangka banjir pula," katanya yang berniaga di bazar Ramadan berdekatan di Gombak.

Difahamkan kira-kira 20 rumah penduduk yang dikenal pasti terjejas di Batu 8, Jalan Gombak Lama dan tidak termasuk di Batu 9, 10 dan 11.

Sementara itu, penduduk mendakwa punca banjir disebabkan projek meluruskan sungai dihentikan sejak peralihan kuasa pentadbiran di Selangor pada 2008.



Rumah Mawarni yang digenangi air mula surut sekitar jam 9 malam.